



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201/ 5202/ 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12(45)
Tarikh : 20 September 2023
Bersamaan : 4 Rabiulawal 1445H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN KERJA BIL. 43/2023 (K) : TINDAKAN SUSULAN KE ATAS LAPORAN PERBEZAAN BAKI ASET (LPBA) BUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 3 Tahun 2022 – Lampiran B3 : Garis Panduan Penyelenggaraan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan telah menetapkan supaya Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengemukakan Laporan Perbezaan Baki Aset (LPBA) Bukan Kewangan pada setiap suku tahun kepada JANM Negeri atau Bahagian Akaun Kementerian.

3. Berdasarkan semakan jabatan ini ke atas laporan yang disediakan secara suku tahun mendapati perbezaan baki aset di antara Laporan Baki Aset di iGFMAS dan laporan di Sistem Pengurusan dan Pemantauan Aset (SPPA) masih tidak diambil tindakan penyelesaian. Malahan semasa pemeriksaan naziran mendapati kesilapan telah dilakukan semasa penyediaan laporan ini. Pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan diingatkan untuk memastikan penyediaan laporan ini secara bulanan/sukuan perlu dibuat dengan teliti supaya maklumat aset diperakaunkan dengan betul dan tepat.

4. Oleh yang demikian, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dimohon untuk memastikan kesemua maklumat aset yang terkandung dalam laporan tersebut dibuat **tindakan pelarasan sebelum atau pada 31 Oktober 2023** selaras dengan arahan Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Malaysia supaya tindakan dan pelarasan item perbezaan dapat diselesaikan pada tahun ini.

...2/-

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12()

5. Jabatan ini ingin menarik perhatian pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan supaya memastikan perenggan 3 - Penyelenggaraan Laporan Perakaunan Aset di dalam Lampiran B3 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil 3 Tahun 2022 dipatuhi seperti lampiran disertakan.

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai Unit Pengurusan Aset di talian seperti berikut :

<u>Bil</u>	<u>Nama</u>	<u>No.Telefon</u>
i.	Nazlina Binti Sabudin	06-2895004
ii.	Zuriah Binti Said	06-2895005
iii.	Norzaima Binti Ismail	06-2895038
iv.	Hasliza binti Shahr	06-2895043
v.	Zuhanida Binti Johari	06-2895047
vi.	Hasnah Binti Saadan	06-2895049

7. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasakan Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA(UK), C.A(M))

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka